

**Petron Malaysia Anjur Pertandingan Melukis dan Fotografi
Bernama
Jun 24, 2014**

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Berdasarkan keyakinan bahawa generasi muda memainkan peranan penting dalam pembinaan bangsa, Petron Malaysia melancarkan Wawasan Petron, pertandingan tahunan lukisan dan fotografi untuk pelajar.

Memasuki tahun kedua, tema Wawasan Petron tahun ini 'Perjalanan Untuk Memenuhi Janjiku' menggalakkan peserta berkongsi karya mereka yang menggambarkan janji mereka iaitu perjalanan mereka ke arah mencapai matlamat kehidupan, bagi keluarga, masyarakat, alam sekitar atau negara.

"Belia kita memainkan peranan penting dalam pembinaan bangsa selaku instrumen perubahan. Menerusi Wawasan Petron, kita melibatkan mereka untuk berkongsi pandangan mengenai isu-isu berkaitan berdasarkan kreativiti mereka," kata Ketua Perniagaan Runcit Petron Malaysia Faridah Ali dalam kenyataan.

Pertandingan itu terbuka kepada semua penuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta kolej, berusia 18 hingga 28 tahun.

Mereka boleh bertanding dalam dua kategori - lukisan cat minyak dan media cat air serta gambar berwarna.

Pertandingan itu menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM15,000 dan plak pengiktirafan.

Borang penyertaan boleh dimuat turun di www.petron.com.my dan tarikh tutup penyertaan pada 31 Ogos 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049031>